

Berikut ialah terma dan syarat yang mentadbir langganan dan pengendalian BSN SSP (Sijil Simpanan Premium) di Bank Simpanan Nasional ("Terma dan Syarat"). Dengan melanggan BSN SSP, Pelanggan atau Pihak Ketiga (mengikut keadaan) dengan ini bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan Terma dan Syarat ini termasuk mana-mana perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

1. DEFINISI DAN TAFSIRAN

1.1 Melainkan secara jelas dinyatakan sebaliknya, definisi dan tafsiran berikut hendaklah terpakai:

"Akaun Pelanggan"	bermaksud mana-mana akaun yang dibuka oleh Pelanggan dengan pihak Bank dimana BSN SSP Pelanggan diselenggara.
"AML/CFT"	merujuk kepada Pencegahan Pengubahan Wang Haram / Pencegahan Pembiayaan Keganasan sepertimana diperuntukkan di bawah Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram yang ditakrifkan di sini.
"Baki Minimum Bulanan"	bermaksud baki minimum yang terdapat dalam Akaun Pelanggan bagi bulan semasa.
"Bank" / "BSN"	bermaksud Bank Simpanan Nasional (BSN).
"BSN SSP"	bermaksud Sijil Simpanan Premium (SSP), sama ada BSN SSP (Mudarabah) atau BSN SSP (Tawarruq), yang dikendalikan mengikut kontrak Syariah berkaitan serta tertakluk kepada Kaedah-Kaedah BSN SSP di bawah Akta Bank Simpanan Nasional 1974.
"Butiran Keselamatan"	termasuk tetapi tidak terhad kepada Kata Laluan Elektronik dan apa-apa maklumat sulit lain dan/atau kod keselamatan yang digunakan berkaitan dengan Akaun Pelanggan.
"Dagangan Komoditi"	bermaksud transaksi jual dan beli selaras dengan prinsip Syariah Tawarruq.
"Hadiah"	merujuk kepada hadiah yang dimenangi Pemenang melalui cabutan BSN SSP.
"Harga Belian"	bermakna harga untuk urusan pembelian Komoditi yang dilakukan oleh pihak Bank sebagai ejen Pelanggan yang mana jumlahnya bersamaan dengan jumlah deposit bersih harian Pelanggan.
"Harga Jualan"	bermakna bayaran oleh pihak Bank dalam transaksi Tawarruq (Murabahah Komoditi) untuk membeli Komoditi daripada Pelanggan yang mana jumlahnya bersamaan dengan Harga Belian ditambah dengan margin keuntungan.
"Hari Urusniaga Perdagangan"	merujuk kepada hari di mana transaksi pembelian Komoditi dilakukan oleh pihak Bank dengan Pembekal Komoditi iaitu setiap hari termasuk cuti umum.
"Hibah"	adalah pemindahan pemilikan aset dari pemberi kepada penerima tanpa sebarang balasan (<i>consideration</i>) dan merupakan satu bentuk kontrak kebajikan.
"Kadar Keuntungan Indikatif"	bermaksud jangkaan kadar keuntungan yang terpakai untuk BSN SSP (Mudarabah), sepertimana yang dipaparkan di Laman Web Bank dan/atau di cawangan Bank dari semasa ke semasa.
"Komoditi"	bermakna barangan atau aset pendasar yang dibenarkan oleh BSN mengikut prinsip Syariah seperti <i>Plastic Resin</i> atau <i>Crude Palm Oil</i> .

"Laman Web BSN"	merujuk kepada laman web rasmi Bank iaitu www.bsn.com.my .
"Langganan"	bermaksud transaksi deposit atau peletakan BSN SSP yang dilakukan oleh Pelanggan.
"Mudarabah"	adalah kontrak antara pemilik modal (<i>rabbul mal</i>) dan pengusaha (<i>mudarib</i>) di mana pemilik modal menyediakan modal untuk diuruskan oleh pengusaha dan sebarang keuntungan yang terhasil dari modal tersebut dikongsi di antara pemilik modal dan pengusaha mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui manakala kerugian ditanggung oleh pemilik modal.
"Murabahah"	merujuk kepada jual dan beli aset di mana kos pemerolehan dan margin keuntungan dimaklumkan kepada pembeli.
"Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK)"	bermaksud nisbah perkongsian keuntungan yang telah ditetapkan untuk dikongsi antara pemilik modal dan pengusaha.
"Notis Mencukupi"	bermaksud notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikhkuatkuasa perkara yang dinyatakan di bawah peruntukan yang berkenaan.
"Pelanggan"	bermaksud pemegang BSN SSP iaitu individu berumur dua belas (12) tahun dan ke atas.
"Pembekal"	bermakna peniaga dan / atau pembekal Komoditi yang berurusan dengan Bank.
"Pemenang"	bermaksud Pelanggan yang memenangi cabutan BSN SSP yang dipilih melalui Enjin Cabutan BSN SSP.
"Pihak Ketiga"	merujuk kepada pihak ketiga yang melaksanakan Langganan BSN SSP seperti yang diperincikan dalam Klausa 3.6 di bawah.
"Rebat (Ibra`)"	merujuk kepada 'pengecualian hak tuntutan' ke atas sebahagian atau keseluruhan hak tuntutan yang diberikan oleh seseorang kepada orang lain yang mempunyai kewajiban yang harus dipenuhinya.
"Tawarruq"	merujuk kepada transaksi yang terdiri daripada dua kontrak jual beli di mana kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara bayaran tertangguh. Kemudian, pembeli dalam kontrak pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dengan serta-merta. Bagi BSN SSP (Tawarruq), Bank sebagai ejen Pelanggan akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada Pembekal dan Bank sebagai ejen Pelanggan kemudian, menjual Komoditi kepada pihak Bank pada Harga Jualan secara Murabahah yang mana hendaklah dibayar kepada Pelanggan pada akhir Tempoh Matang (selepas mengambil kira sebarang rebat (ibra`), jika ada).
"Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram"	bermaksud undang-undang, peraturan dan/atau ketetapan yang berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram, pembiayaan anti-keganasan dan hasil daripada aktiviti haram termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 Malaysia.
"Wakalah"	merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (<i>muwakkil</i>) mengizinkan pihak lain sebagai ejennya (<i>wakil</i>) untuk melaksanakan sesuatu perbuatan yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran.

- 1.2 Tajuk kecil, tajuk dan pembahagian peruntukan kepada seksyen dan klausa dalam Terma dan Syarat ini adalah bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak akan dipertimbangkan dalam tafsiran peruntukan Terma dan Syarat ini.
- 1.3 Perkataan yang menunjukkan mufrad merangkumi jamak dan sebaliknya.

2. KELAYAKAN

2.1 BSN SSP boleh dilanggan oleh individu yang berumur dua belas (12) tahun dan ke atas.

2.2 Syarat kelayakan lain adalah seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia; atau
- (b) Penduduk tetap dan bukan penduduk tetap yang mempunyai alamat tetap di Malaysia.

3. JENIS BSN SSP DAN TERMA KHUSUS

Terdapat dua (2) jenis BSN SSP yang ditawarkan dengan terma dan syarat khusus bagi setiap jenis seperti berikut:

3.1 Amaun Peletakan	BSN SSP (Mudarabah)	BSN SSP (Tawarruq)
	Amaun Minimum: RM10 iaitu bersamaan satu (1) unit BSN SSP.	Amaun Minimum: RM5,000 iaitu bersamaan lima ratus (500) unit SSP atau lain-lain jumlah yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa dalam satu (1) transaksi.
3.2 Tempoh Peletakan	Tempoh Minimum: Empat puluh lima (45) hari	Dua belas (12) bulan (dirujuk sebagai Tempoh Matang bagi BSN SSP (Tawarruq))
3.3 Keuntungan	BSN SSP (Mudarabah)	BSN SSP (Tawarruq)
	(a) Kadar Keuntungan: Keuntungan (dividen) daripada Langganan BSN SSP, jika ada, akan dibahagikan antara Pelanggan dan Bank berdasarkan Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang dipersetujui ketika Langganan dibuat. Pelanggan bersetuju seperti berikut: (i) Bank berhak, mengikut budi bicara Bank, untuk meminda NPK yang dipersetujui pada bila-bila masa dengan memberikan Notis Mencukupi kepada Pelanggan di mana NPK yang dipinda akan dipaparkan di cawangan-cawangan Bank dan/atau di Laman Web Bank; dan (ii) untuk terikat dengan NPK semasa dan Kadar Keuntungan Indikatif (termasuk sebarang pindaan ke atas NPK tersebut yang dibuat oleh Bank dari semasa ke semasa). Sekiranya berlaku ketidakselarasan antara NPK dan Kadar Keuntungan Indikatif yang diterbitkan di Laman Web Bank dan yang dipaparkan/dinyatakan di tempat lain (termasuk pada slip transaksi langganan BSN SSP), NPK dan Kadar Keuntungan Indikatif yang dipaparkan di Laman Web Bank akan mengatasi yang lain-lain dan hendaklah terpakai kepada Pelanggan.	(a) Kadar Keuntungan: Keuntungan (dividen) daripada Langganan BSN SSP, jika ada, akan diberikan kepada Pelanggan mengikut kadar keuntungan (setahun) yang telah ditetapkan pada waktu langganan BSN SSP dibuat (iaitu berdasarkan jumlah peletakan). (b) Bayaran Keuntungan (pada tarikh tamat Tempoh Matang): (i) Bagi jumlah keuntungan dalam gandaan RM10, jumlah tersebut akan dikreditkan kembali ke prinsipal SSP (Tawarruq) untuk pembaharuan. (ii) Bagi jumlah keuntungan kurang dari RM10 (jika ada), jumlah tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan/semasa Pelanggan di BSN. (c) Formula Pengiraan Keuntungan dikira berdasarkan pada baki harian perletakan. Keuntungan akan dikira dan dibayar pada tarikh tamat Tempoh Matang. Jumlah Amaun Peletakan x Kadar Keuntungan x Bilangan Hari Jumlah Amaun Peletakkan / 365 (Bukan tahun lompat) @ 366 (tahun lompat) (d) Pengekalan BSN SSP (Tawarruq) selepas Tempoh Matang

	(b) Bayaran keuntungan pada penghujung setiap tempoh genap tahun kewangan Bank: <table><tr><th>Amaun (RM)</th><th>Cara Bayaran</th></tr><tr><td>≥10</td><td>Ditukar kepada BSN SSP di bawah nama Pelanggan dalam gandaan 10. Baki yang tinggal (jika ada) akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan / semasa Pelanggan di BSN (jika ada)</td></tr><tr><td>1 -<10</td><td>Dikreditkan ke dalam akaun simpanan / semasa Pelanggan di BSN (jika ada)</td></tr><tr><td><1</td><td>Dikreditkan ke dalam akaun simpanan / semasa Pelanggan di BSN (jika ada). Jika Pelanggan tidak mempunyai akaun simpanan / semasa di BSN, amaun tersebut akan disalurkan ke akaun kebajikan yang diluluskan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa</td></tr></table> (c) Formula pengiraan: Keuntungan (dividen) daripada Langganan BSN SSP akan dikira berdasarkan Baki Minimum Bulanan dengan syarat BSN SSP hendaklah aktif sepenuhnya sepanjang bulan tersebut, berdasarkan formula berikut: Baki Minima Bulanan X Kadar Keuntungan Indikatif* X Bilangan Hari peletakan BSN SSP / 365 (Bukan Tahun Lompat) atau 366 (Tahun Lompat) <i>*Nota: Sila Rujuk NPK dan Kadar Keuntungan Indikatif semasa yang dipaparkan di Laman Web Bank.</i>	Amaun (RM)	Cara Bayaran	≥10	Ditukar kepada BSN SSP di bawah nama Pelanggan dalam gandaan 10. Baki yang tinggal (jika ada) akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan / semasa Pelanggan di BSN (jika ada)	1 -<10	Dikreditkan ke dalam akaun simpanan / semasa Pelanggan di BSN (jika ada)	<1	Dikreditkan ke dalam akaun simpanan / semasa Pelanggan di BSN (jika ada). Jika Pelanggan tidak mempunyai akaun simpanan / semasa di BSN, amaun tersebut akan disalurkan ke akaun kebajikan yang diluluskan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa	Bagi BSN SSP (Tawarruq) yang tidak ditebus dan tidak dikeluarkan selepas tamat Tempoh Matang, Pelanggan bersetuju dan dengan ini mengarahkan pihak Bank untuk memperbaharui BSN SSP (Tawarruq) tersebut selepas Tempoh Matang dengan tempoh yang sama berdasarkan kontrak Tawarruq mengikut kadar keuntungan BSN SSP (Tawarruq) semasa seperti yang tertera di Laman Web Bank, tertakluk kepada terma dan syarat sedia ada.
Amaun (RM)	Cara Bayaran									
≥10	Ditukar kepada BSN SSP di bawah nama Pelanggan dalam gandaan 10. Baki yang tinggal (jika ada) akan dikreditkan ke dalam akaun simpanan / semasa Pelanggan di BSN (jika ada)									
1 -<10	Dikreditkan ke dalam akaun simpanan / semasa Pelanggan di BSN (jika ada)									
<1	Dikreditkan ke dalam akaun simpanan / semasa Pelanggan di BSN (jika ada). Jika Pelanggan tidak mempunyai akaun simpanan / semasa di BSN, amaun tersebut akan disalurkan ke akaun kebajikan yang diluluskan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa									
3.4 Penebusan	BSN SSP (Mudarabah) BSN SSP (Mudarabah) boleh ditebus sepenuhnya atau sebahagian daripadanya selepas empat puluh lima (45) hari dari tarikh Langganan.	BSN SSP (Tawarruq) Penebusan BSN SSP (Tawarruq) adalah tertakluk kepada: (a) Hanya penebusan penuh dibenarkan untuk amaun peletakan yang dinyatakan; (b) Penebusan awal sebelum tarikh tamat Tempoh Matang dibenarkan dan tertakluk kepada syarat penebusan awal di bawah; (c) Sekiranya Pelanggan membuat								

		penebusan atau permintaan awal terhadap Harga Jualan (amaun peletakan berserta keuntungan) sebelum tarikh tamat Tempoh Matang, Pelanggan dengan ini mengesahkan dan bersetuju untuk memberikan rebat (ibra') seperti berikut: (i) Bagi penebusan yang dilakukan dalam tempoh kurang daripada satu (1) bulan dari tarikh Langganan, Pelanggan bersetuju memberikan rebat (ibra') ke atas keseluruhan keuntungan. Oleh yang demikian, Pelanggan tidak akan menerima sebarang keuntungan; (ii) Bagi penebusan yang dilakukan selepas tempoh satu (1) bulan atau lebih dari tarikh Langganan, Pelanggan bersetuju memberikan rebat (ibra') ke atas sebahagian keuntungan. Oleh yang demikian, Pelanggan hanya akan mendapat keuntungan yang dikira berdasarkan Kadar Keuntungan Indikatif BSN SSP (Mudarabah) mengikut formula yang berkenaan yang mana hanya akan dibayar sekiranya peletakan memenuhi sepanjang bulan yang berkenaan.
3.5 Konsep Syariah	BSN SSP (Mudarabah)	BSN SSP (Tawarruq)
	(a) Konsep Syariah yang digunapakai adalah Mudarabah, yang melibatkan kontrak antara pemilik modal (Pelanggan atau Pihak Ketiga, mengikut keadaan) dan pengusaha (Bank) di mana Pelanggan atau Pihak Ketiga (mengikut keadaan) menyediakan modal untuk diuruskan oleh Bank dan sebarang keuntungan yang terhasil dari modal tersebut dikongsi di antara Pelanggan dan Bank mengikut NPK yang dipersetujui manakala kerugian ditanggung oleh Pelanggan selagi mana kerugian tersebut tidak disebabkan oleh tindakan salah laku (<i>ta'addi</i>), cuai (<i>taqsir</i>) atau pelanggaran syarat-syarat (<i>mukhalafah al-shurut</i>) oleh Bank. (b) Langganan adalah berterusan dan kekal berkuat kuasa dan hanya akan dianggap tamat setelah penamatan kontrak Mudarabah antara Bank dan Pelanggan atau Pihak Ketiga, mengikut keadaan. (c) Pelanggan selanjutnya bersetuju bahawa konsep Syariah kontrak Mudarabah yang dinyatakan di atas hendaklah juga terpakai dalam	(a) Konsep Syariah yang terpakai untuk Langganan BSN SSP dengan tempoh dan kadar keuntungan tetap adalah Tawarruq. (b) Wakalah (Kontrak Perwakilan) dengan menggunakan struktur dwi-wakil (<i>dual agency</i>) yang merangkumi: (i) Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk membeli Komoditi dari pihak ketiga; dan (ii) Pelantikan Bank sebagai wakil Pelanggan untuk sempurnakan penjualan Komoditi secara Murabahah kepada Bank. (c) Pelanggan mengakui, walaupun Komoditi yang terlibat di dalam transaksi perdagangan Tawarruq boleh dihantar secara fizikal, Pelanggan bersetuju bahawa penghantaran Komoditi secara fizikal ini tidak akan dilaksanakan. Namun sekiranya Pelanggan berhasrat untuk mengambil milikan fizikal Komoditi tersebut, Pelanggan perlu mengambil milikan fizikal tersebut mengikut cara yang bersesuaian dengan kos yang ditanggung oleh Pelanggan sendiri.

	mengatur hubungan antara Pelanggan dan Bank berhubung Hadiah (dalam bentuk BSN SSP) serta keuntungan (dividen) sekiranya ditukarkan kepada BSN SSP di bawah nama Pelanggan.	(d) Pelanggan mempunyai hak untuk memohon dan pengambilan dan penyerahan Komoditi fizikal tertakluk kepada syarat-syarat minimum dan mematuhi terma dan syarat yang telah ditetapkan oleh penyedia Platform Komoditi. Permintaan bagi penyerahan Komoditi boleh dilakukan di mana-mana cawangan Bank pada waktu urusan perbankan dan/atau di kaunter promosi Bank. Urusan penyerahan di antara Pelanggan dan Platform Komoditi adalah ditanggung sendiri oleh Pelanggan.
3.6 Langganan BSN SSP	BSN SSP (Mudarabah) (a) Terdapat tiga (3) cara langganan BSN SSP (Mudarabah): (i) <u>Oleh Pelanggan:</u> Bagi langganan BSN SSP oleh Pelanggan sendiri, Pelanggan bertindak dengan kapasitinya sebagai pemilik modal (<i>rabbul mal</i>) dan Bank sebagai pengusaha (<i>mudarib</i>). (ii) <u>Oleh wakil Pelanggan:</u> Langganan BSN SSP juga boleh dilakukan oleh pihak ketiga berdasarkan permintaan Pelanggan, melalui perantaraan agensi (<i>wakalah</i>), dengan tujuan melaksanakan Langganan bagi pihak Pelanggan (<i>rabbul mal</i>) dan Bank sebagai pengusaha (<i>mudarib</i>). (iii) <u>Oleh Pihak Ketiga:</u> BSN SSP juga boleh dilanggan oleh Pihak Ketiga (individu/organisasi/syarikat) untuk dihadiahkan kepada Pelanggan sebagai pemberian cenderahati persaraan, anugerah cemerlang, anugerah khidmat setia, bonus dan lain-lain. Bagi langganan sebegini, Pihak Ketiga tersebut bertindak atas kapasitinya sebagai pemilik modal (<i>rabbul mal</i>) dan pihak Bank sebagai pengusaha (<i>mudarib</i>). Seterusnya, Pihak Ketiga tersebut akan memindahkan hak milik langganan BSN SSP tersebut kepada Pelanggan berdasarkan kontrak pemberian (<i>hibah</i>). (b) Bank berhak untuk menolak sebarang permohonan oleh Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga untuk melanggan BSN SSP jika Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga gagal mengemukakan maklumat dan/atau dokumen yang sah, lengkap dan/atau tepat yang diperlukan oleh Bank dan/atau Pelanggan	BSN SSP (Tawarruq) (a) Terdapat tiga (3) cara langganan BSN SSP (Tawarruq): (i) <u>Oleh Pelanggan:</u> Pelanggan bertindak atas kapasitinya sendiri sebagai Pelanggan dan pemilik BSN SSP. (ii) <u>Oleh wakil Pelanggan:</u> Langganan BSN SSP juga boleh dilakukan oleh pihak ketiga berdasarkan permintaan Pelanggan, melalui perantaraan agensi (<i>wakalah</i>), dengan tujuan melaksanakan langganan BSN SSP bagi pihak Pelanggan. (iii) <u>Oleh Pihak Ketiga:</u> BSN SSP juga boleh dilanggan oleh Pihak Ketiga (individu/organisasi/syarikat) untuk dihadiahkan kepada Pelanggan sebagai pemberian cenderahati persaraan, anugerah cemerlang, anugerah khidmat setia, bonus, dll. Bagi langganan sebegini, Pihak Ketiga tersebut bertindak atas kapasitinya untuk melanggan BSN SSP. Seterusnya, Pihak Ketiga tersebut akan memindahkan hak milik BSN SSP tersebut kepada Pelanggan berdasarkan kontrak pemberian (<i>hibah</i>). (b) Bank berhak untuk menolak sebarang permohonan oleh Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga untuk melanggan BSN SSP jika Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga gagal mengemukakan maklumat dan/atau dokumen yang sah, lengkap dan/atau tepat yang diperlukan oleh Bank dan/atau Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga tidak memenuhi sebarang syarat dan/atau syarat tambahan yang ditetapkan oleh Bank untuk tujuan tersebut.

	dan/atau Pihak Ketiga tidak memenuhi sebarang syarat dan/atau syarat tambahan yang ditetapkan oleh Bank untuk tujuan tersebut. (c) Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga bersetuju dan membenarkan Bank melakukan sebarang carian termasuk tetapi tidak terhad kepada carian insolvensi/ kebangkrapan dan penyaringan AMLA/CFT ke atas Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga dalam memproses permohonan Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga bagi Langganan BSN SSP. (d) Langganan BSN SSP adalah tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh Bank termasuk umur minimum, jumlah Langganan minimum, dokumen pengenalan serta keperluan lain dan/atau dokumen sokongan yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. (e) Langganan BSN SSP ini boleh dibuat melalui: (i) kaunter cawangan BSN; (ii) perbankan internet myBSN; (iii) terminal layan diri BSN (contoh: Mesin Teler Automatik (ATM), Mesin Deposit Tunai (CDM), Mesin Kitar Semula Tunai (CRM)); (iv) Ejen Bank BSN; atau (v) mana-mana saluran perbankan lain yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa (sekiranya ada).	(c) Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga bersetuju dan membenarkan Bank melakukan sebarang carian termasuk tetapi tidak terhad kepada carian insolvensi/kebankrapan dan penyaringan AMLA/CFT ke atas Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga dalam memproses permohonan Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga bagi langganan BSN SSP. (d) Langganan BSN SSP adalah tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh Bank termasuk umur minimum, jumlah Langganan minimum, dokumen pengenalan serta keperluan lain dan/atau dokumen sokongan yang mungkin ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa. (e) Langganan BSN SSP ini boleh dibuat melalui: (i) kaunter cawangan BSN; (ii) perbankan internet myBSN; atau (iii) mana-mana saluran perbankan yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa (sekiranya ada).
3.7 Lain-Lain Terma dan Syarat Khusus	BSN SSP (Mudarabah) Tiada	BSN SSP (Tawarruq) PERLANTIKAN BANK SEBAGAI EJEN (a) Pelanggan bersetuju melantik Bank dan Bank bersetuju menerima pelantikan sebagai ejen kepada Pelanggan secara wakil mutlak melalui akad Wakalah untuk melaksanakan perkara berikut: (i) Membeli Komoditi daripada Pembekal Komoditi; dan (ii) Menyempurnakan penjualan Komoditi kepada Bank secara Murabahah pada Harga Jualan secara bayaran tertangguh. (b) Bank sebagai ejen Pelanggan, akan membeli Komoditi pada Harga Belian daripada Pembekal Komoditi secara tunai pada Hari Urusniaga Perdagangan.

		(c) Selepas itu, Bank sebagai ejen Pelanggan akan menyempurnakan penjualan Komoditi kepada Bank secara Murabahah pada Harga Jualan secara bayaran tertangguh. (d) Seterusnya, Bank akan menjual Komoditi kepada Pembekal yang lain secara tunai pada harga bersamaan dengan jumlah deposit Pelanggan. (e) Transaksi Perdagangan Komoditi akan dilaksanakan setiap hari berdasarkan setiap jumlah deposit oleh Pelanggan pada tarikh Langganan / peletakan deposit. (f) Harga Jualan dikira seperti berikut: Harga Jualan = Jumlah Peletakan (RM) + Jumlah Keuntungan (RM) (g) Keuntungan akan dikira berdasarkan formula berikut: Jumlah Keuntungan = Jumlah Peletakan (RM) x Kadar Keuntungan (%) x Bilangan Hari Peletakan / 365 @ 366 (h) Pada tarikh tamat Tempoh Matang, Bank akan membayar Harga Jualan berdasarkan kepada kaedah pembayaran sepertimana dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. (i) Pelanggan bersetuju bahawa perwakilan yang diberikan kepada Bank seperti yang dinyatakan di bawah sub-klausa (a) terpakai kepada semua urusan langganan BSN SSP Pelanggan termasuk bagi tujuan pengekalan dan pembaharuan BSN SSP (Tawarruq) selepas Tempoh Matang (yang dinyatakan di bawah Klausa 3.3(d) (BSN SSP (Tawarruq))). (j) Bank hanya akan bertindak sebagai ejen (membeli dan menjual Komoditi) dan tidak akan menerima, atau dilihat sebagai menerima apa-apa tanggungjawab tambahan untuk, atau mempunyai apa-apa tanggungjawab tambahan untuk, atau mempunyai apa-apa hubungan istimewa dengan Pelanggan.
--	--	--

		(k) Pihak Bank akan, dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam membeli dan menjual Komoditi, menjaga kepentingan pihak Pelanggan dan bertindak secara ikhlas. (l) Pelanggan bersetuju untuk menanggung rugi Bank terhadap segala tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti-rugi, kos dan perbelanjaan dalam apa-apa bentuk yang mungkin ditanggungoleh Bank akibat daripada tindakan sebagai ejen Pelanggan dalam transaksi Komoditi Tawarruq atau disebabkan pelanggaran obligasi oleh Pelanggan kecuali tindakan, tuntutan, permintaan, liabiliti, kerugian, ganti-rugi, kos dan perbelanjaan tersebut adalah disebabkan oleh salah laku sengaja, kecuaiian melampau atau penipuan pihak Bank. Tanggung rugi ini akan terus berkuatkuasa meskipun terma dan syarat ini ditamatkan dan apa-apa jumlah yang perlu dibayar di bawah ini tidak akan dikenakan potongan sama ada melalui tolak selesai, tuntutan balas atau sebaliknya. (m) Bank sebagai ejen kepada Pelanggan tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya Pelanggan mengalami kerugian atau kerosakan ke atas kepentingan Pelanggan (Muwakkil) kecuali kerugian atau kerosakan berlaku disebabkan oleh salah laku sengaja, kecuaiian melampau, penipuan atau pelanggaran syarat-syarat tertentu oleh Bank.
--	--	--

4. PEMBUKAAN AKAUN PELANGGAN

- 4.1 Setelah langganan BSN SSP berjaya dilakukan oleh Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga, Bank akan menghasilkan dan membuka Akaun Pelanggan di mana BSN SSP tersebut dan mana-mana BSN SSP yang didaftarkan di bawah nama Pelanggan, dari semasa ke semasa, akan diselenggara.
- 4.2 BSN SSP terbuka kepada Pelanggan individu sahaja dan Akaun Pelanggan hendaklah kekal sebagai akaun-akaun individu sahaja. Pembukaan akaun bersama dan akaun amanah bagi BSN SSP adalah tidak dibenarkan.
- 4.3 Pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Bank untuk menjalankan apa-apa carian termasuk tetapi tidak terhad kepada carian insolvensi/ kebangkrutan termasuk saringan AML/CFT ke atas Pelanggan sebelum pembukaan Akaun Pelanggan.
- 4.4 Bank berhak mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu oleh Bank terhadap Pelanggan sekiranya, selepas langganan BSN SSP dan/atau pembukaan Akaun Pelanggan, Pelanggan didapati telah melakukan penipuan dokumen dan/atau di mana sebarang maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank didapati tidak tepat, palsu dan/atau mengelirukan.

5. PENGESAHAN DOKUMEN PENGENALAN

- 5.1 Semua transaksi yang dilakukan di Bank berdasarkan Terma dan Syarat ini adalah tertakluk kepada pengesahan identiti Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga sepertimana diperlukan oleh Bank. Pengesahan tersebut boleh dilaksanakan secara manual atau elektronik dan pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, penalti, caj, kos dan/atau perbelanjaan (mana-mana berkenaan) yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga disebabkan tindakan Bank yang bergantung kepada hasil pengesahan tersebut.
- 5.2 Sekiranya tandatangan Pelanggan digunakan sebagai pengesahan, tandatangan tersebut hendaklah sama seperti yang terdapat di dalam rekod pihak Bank.

6. TUNTUTAN KEUNTUNGAN DI KAUNTER BSN

Pelanggan yang tidak mempunyai akaun simpanan/semasa di BSN untuk tujuan pengkreditan keuntungan (dividen) boleh menuntut keuntungan (dividen) melalui mana-mana kaunter cawangan BSN dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh pembayaran keuntungan (dividen). Sekiranya tidak dituntut, keuntungan (dividen) tersebut akan diklasifikasikan sebagai "Wang Tidak Dituntut" dan akan diuruskan oleh Bank berdasarkan Akta Wang Tidak Dituntut 1965.

7. SLIP TRANSAKSI BSN SSP

Pihak Bank tidak lagi akan mengeluarkan sijil BSN SSP dan sebaliknya Bank mengeluarkan slip transaksi langganan BSN SSP. Slip transaksi ini dianggap sebagai dokumen yang sah sebagai bukti langganan BSN SSP. Slip transaksi dan sijil BSN SSP ini tidak boleh dipindahmilik dan adalah tidak mempunyai nilai kepada orang lain kecuali Pelanggan itu sendiri.

8. PNEBUSAN

- 8.1 Penebusan BSN SSP boleh dibuat di mana-mana cawangan Bank atau mana-mana saluran perbankan yang disediakan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 8.2 Jika slip transaksi sepertimana dinyatakan di Klausa 7 di atas hilang, Pelanggan hendaklah mengemukakan dokumen pengenalan diri yang sah, seperti kad pengenalan atau passport, sebagai ganti kepada slip transaksi tersebut di mana-mana kaunter cawangan BSN bagi tujuan penebusan BSN SSP.

9. CABUTAN BSN SSP

- 9.1 Semua BSN SSP yang tidak ditebus adalah layak menyertai Cabutan BSN SSP yang dijalankan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada kriteria cabutan dan kelayakan cabutan seperti yang dinyatakan oleh pihak Bank di Laman Web Bank dari semasa ke semasa.
- 9.2 Pelanggan berikut **TIDAK LAYAK** untuk menyertai cabutan BSN SSP:
 - (a) Kakitangan tetap dan/atau kontrak BSN, anak syarikatnya dan/atau syarikat-syarikat berkaitannya ("Kakitangan");
 - (b) Mana-mana Pelanggan yang meninggal dunia sebelum hari pertama dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar berturut-turut sebelum bulan di mana cabutan SSP BSN diadakan; dan
 - (c) Lain-lain Pelanggan atau Kakitangan yang ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 9.3 Terma & Syarat bagi Cabutan BSN SSP yang boleh dirujuk di Laman Web Bank hendaklah dibaca bersama-sama Terma dan Syarat ini.

10. HADIAH CABUTAN & PEMENANG

- 10.1 Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai, kredit atau apa-apa yang lain sama ada sebahagian atau keseluruhan. Senarai Hadiah akan dipaparkan di Laman Web Bank dari semasa ke semasa.

- 10.2 Hadiah Cabutan BSN SSP perlu dituntut oleh Pemenang sendiri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh cabutan BSN SSP di mana jika gagal berbuat demikian Pemenang dianggap telah melepaskan Hadiah tersebut dan pihak Bank berhak atas budi bicaranya melupuskan Hadiah tersebut melalui cara yang difikirkan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada memilih pemenang baru sebagai pengganti. Melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, sebarang tuntutan Hadiah daripada pihak ketiga tidak akan dilayan.
- 10.3 Di mana berkenaan dan/atau apabila perlu, pihak Bank berhak melantik pembekal Hadiah dan/atau penyedia perkhidmatan penghantaran untuk menghantar Hadiah (kecuali hadiah berbentuk BSN SSP) kepada Pemenang. Kaedah dan cara penghantaran hadiah akan ditentukan dari semasa ke semasa mengikut budi bicara pihak Bank. Pemenang membenarkan pihak Bank untuk berkongsi maklumat Pemenang kepada pembekal Hadiah dan/atau penyedia perkhidmatan penghantaran dan bersetuju untuk dihubungi secara terus oleh pembekal Hadiah dan/atau penyedia perkhidmatan penghantaran bagi tujuan penghantaran Hadiah.
- 10.4 Pemenang Meninggal Dunia
- (a) Dengan syarat Pemenang tidak dikategorikan sebagai tidak layak untuk mengambil bahagian dalam cabutan BSN SSP sepertimana Klausula 9.2(b) di atas, sekiranya Pemenang telah meninggal dunia sebelum tuntutan Hadiah dibuat, waris Pemenang yang sah boleh menuntut Hadiah dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh cabutan di mana-mana cawangan Bank, tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat yang boleh ditetapkan oleh Bank. Jika tidak, Pemenang atau warisnya yang sah adalah dianggap telah melepaskan hak mereka untuk menuntut Hadiah tersebut dan pihak Bank berhak atas budibicaranya melupuskan Hadiah tersebut melalui cara yang difikirkan sesuai, termasuk tetapi tidak terhad kepada memilih pemenang baru sebagai pengganti.
 - (b) Bank berhak mengikut budi bicaranya untuk membatalkan kemenangan Pemenang jika didapati bahawa Pemenang tersebut tidak layak untuk menyertai cabutan SSP BSN berdasarkan Klausula 9.2(b) di atas dan seterusnya, memilih Pemenang lain sebagai pengganti.
- 10.5 Bagi Hadiah berbentuk kenderaan:
- (a) Pendaftaran hak milik akan dibuat atas nama Pemenang di mana kosnya akan ditanggung oleh Bank; dan
 - (b) Setelah kenderaan didaftarkan atas nama Pemenang, pihak Bank hendaklah tidak dipertanggungjawabkan dalam apa-apa keadaan sekalipun terhadap kerosakan atau kecacatan kenderaan tersebut atau penyelenggaraan masa hadapan termasuk penyelenggaraan kenderaan yang dijadualkan.
- 10.6 Bagi hadiah berbentuk BSN SSP:
- (a) Pemenang adalah dinasihatkan untuk menyemak butiran Hadiah di mana-mana cawangan Bank dengan mengemukakan surat pemakluman yang dikeluarkan oleh Bank kepada Pemenang dan dokumen pengenalan diri Pemenang.
- 10.7 Pelanggan dan/atau Pemenang bersetuju bahawa Bank boleh, dari semasa ke semasa, menukar/menggantikan mana-mana hadiah dengan mana-mana barangan pada nilai yang sama atau lebih rendah, termasuk dari tahun dan model yang berlainan, dengan mengemukakan Notis Mencukupi sebelum penukaran atau penggantian dilaksanakan. Keputusan yang dibuat oleh Bank dalam hal ini adalah muktamad dan konklusif. Sebarang pertikaian oleh Pelanggan dan/atau Pemenang berkenaan dengannya tidak akan dilayan.
- 10.8 Pemenang bersetuju bahawa BSN tidak memberi sebarang representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti dan/atau kesesuaian hadiah serta tidak bertanggungjawab untuk memberi apa-apa jenis hadiah gantian disebabkan kecacatan bahan atau buatan oleh pembekal/pengeluar di bawah jaminan atau sebaliknya atau Hadiah yang hilang atau dicuri sepertimana diisytiharkan mahkamah atau sebaliknya. Pemenang hendaklah berurusan secara terus dengan pembekal bagi semua maklumat jaminan dan/atau tuntutan tanpa membabitkan BSN.
- 10.9 Sebarang pertanyaan mengenai tuntutan ke atas Hadiah cabutan BSN SSP boleh diajukan kepada Ibu Pejabat BSN seperti yang dinyatakan di Klausula 11.4 terma dan syarat ini.

11. KEPUTUSAN CABUTAN BSN SSP & PEMAHLUMAN KEPADA PEMENANG

- 11.1 Keputusan dan pengumuman cabutan BSN SSP dan pengumuman Pemenang boleh dirujuk di Laman Web Bank.
- 11.2 Surat pemakluman rasmi berhubung keputusan kemenangan juga akan dihantar oleh Bank melalui pos ke alamat terkini Pemenang yang berdaftar dalam rekod Bank dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan cabutan disiarkan. Pemenang juga boleh dihubungi oleh Bank melalui komunikasi elektronik dan/atau lain-lain cara yang difikirkan sesuai oleh Bank berdasarkan alamat/nombor telefon terkini Pemenang yang didaftarkan dalam sistem Bank. Sekiranya terdapat percanggahan antara butiran Hadiah dalam mana-mana komunikasi yang dibuat oleh Bank kepada Pemenang, butiran Hadiah yang dinyatakan dalam notis pemakluman rasmi hendaklah mengatasi yang lain-lain.
- 11.3 Pemenang “Hadiah Utama” perlu mengemukakan maklumat dan dokumen berikut kepada pihak Bank bagi tujuan pengesahan untuk menuntut hadiah:
- (a) Salinan kad pengenalan (KP) / Pasport;
 - (b) Alamat;
 - (c) Nombor telefon; dan
 - (d) Lain-lain dokumen dan/atau maklumat yang diperlukan oleh Bank dari semasa ke semasa.
- 11.4 Pemenang hendaklah mengemukakan maklumat dan dokumen seperti yang dinyatakan di Klausula 11.3 melalui serahan tangan atau secara pos ke alamat Ibu Pejabat BSN seperti berikut:
- Jabatan Deposit & Pembayaran, Tingkat 8,
Wisma BSN,
117, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
No.Tel.: 03-20283222 Samb. 12620 / 15694
No. Faks: 03-2028 6675
- 11.5 Pemenang dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kerosakan mana-mana dokumen yang dihantar oleh Pemenang.
- 11.6 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa penentuan Pemenang adalah muktamad. Tiada sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau protes akan dilayan.

12. LIABILITI

- 12.1 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian yang berpunca daripada pelaksanaan BSN SSP melainkan kerugian tersebut adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaihan pihak Bank secara sengaja.
- 12.2 Pelanggan bersetuju akan bertanggungjawab dan menanggung rugi Bank secara penuh ke atas kesemua penalti, ganti rugi, tuntutan, kerugian, kos dan perbelanjaan (guaman atau selainnya termasuk kos atas rundingan peguam cara dengan klien) yang ditanggung oleh Bank akibat:-
- (a) Pelanggan melanggar Terma dan Syarat ini;
 - (b) Pelanggan melakukan penipuan;
 - (c) Pelanggan mendedahkan Butiran Keselamatan kepada mana-mana orang lain atau dalam apa-apa e-mel atau di laman web yang bukan milik Bank;
 - (d) Kegagalan Pelanggan mengambil langkah yang munasabah bagi memastikan Butiran Keselamatan dirahsiakan dan/atau selamat pada setiap masa;
 - (e) Kegagalan Pelanggan untuk melaporkan pelanggaran, pendedahan atau kompromi berkaitan Butiran Keselamatan tersebut seberapa segera yang mungkin sebaik sahaja menyedari tentang pelanggaran atau kehilangan itu;
 - (f) Bank mengeluarkan mandat yang sah yang diminta oleh Pelanggan;
 - (g) Bank menguatkuasakan mana-mana haknya terhadap Pelanggan;
 - (h) Bank mematuhi mana-mana keperluan kawal selia; dan/atau
 - (i) Bank mematuhi apa-apa penghakiman Mahkamah atau apa-apa Perintah Mahkamah, sama ada mempunyai kuasa undang-undang atau tidak, yang dikeluarkan oleh mana-mana badan tribunal, entiti yang ditubuhkan secara sah atau pihak berkuasa, yang timbul daripada apa-apa tindakan atau prosiding (melalui atau selain Mahkamah) dan yang terpakai untuk atau

ditujukan kepada atau dalam apa-apa cara yang berkaitan dengan Pelanggan, dan/atau BSN SSP Pelanggan.

- 12.3 Tanggung rugi yang diperuntukkan di atas tidak akan terpakai kepada transaksi perbankan elektronik yang dibenarkan untuk dilakukan oleh Bank sekiranya kerugian, kos atau perbelanjaan yang ditanggung berpunca daripada:
- (a) Kegagalan Bank untuk memaklumkan kepada Pelanggan tentang obligasi Pelanggan untuk memastikan kerahsiaan dan keselamatan Butiran Keselamatan, serta obligasi Pelanggan untuk memaklumkan Bank dengan segera sekiranya berlaku pelanggaran, pendedahan atau kompromi ke atas perkara tersebut;
 - (b) Kegagalan Bank untuk menyediakan cara yang mencukupi kepada Pelanggan bagi memaklumkan Bank tentang sebarang transaksi yang tidak sah atau dipertikaikan;
 - (c) Kerosakan teknikal atau kekurangan yang terbukti dalam sistem dan peralatan di bawah seliaan penuh Bank;
 - (d) Kelemahan atau pendedahan yang terbukti dalam ciri keselamatan dan kawalan yang diguna pakai oleh Bank;
 - (e) Transaksi yang berlaku selepas Bank dimaklumkan oleh Pelanggan mengenai transaksi yang tidak sah atau mengenai pelanggaran, pendedahan atau kompromi ke atas apa-apa Butiran Keselamatan dengan syarat pelanggaran, pendedahan atau kompromi ke atas Butiran Keselamatan tersebut bukan disebabkan oleh tindakan Pelanggan sendiri;
 - (f) Transaksi yang berlaku sebelum Pelanggan menerima apa-apa Butiran Keselamatan yang berkaitan dengan akses dan penggunaan Akaun Pelanggan; dan/atau
 - (g) Butiran Keselamatan yang dipalsukan, rosak, tamat tempoh atau dibatalkan dengan syarat perkara tersebut bukan disebabkan oleh tindakan atau pengabaian Pelanggan sendiri.
- 12.4 Pelanggan yang membuat Langganan dan/atau mengambil bahagian dalam mana-mana kempen berkaitan BSN SSP adalah dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini.
- 12.5 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan atau ganti rugi (termasuk dan tidak terhad kepada kerugian pendapatan, keuntungan atau nama baik secara langsung atau tidak langsung secara insiden, berikutan, teladan, punitif atau khas kepada mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul dalam apa jua cara sama ada dari segi kontrak, salah laku, kecuaiian atau apa-apa sahaja tindakan yang timbul akibat daripada atau berkaitan dengan cabutan atau Hadiah BSNSSP.
- 12.6 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa keputusan BSN terhadap sebarang perkara berkaitan BSN SSP dan cabutan BSN SSP adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan mengikat Pelanggan. Sebarang surat-menyurat, rayuan, bantahan atau cubaan untuk mempertikaikan apa-apa keputusan tidak akan dilayan.
- 12.7 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa melainkan Terma dan Syarat tertentu yang dinyatakan di dalam ini, semua terma dan syarat lain yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah dan peraturan sedia ada yang mengawal BSN SSP hendaklah terus terpakai.

13. HAK UNTUK MENDEBIT AKAUN DAN PELARASAN

Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank untuk menahan dan mendebit Akaun Pelanggan dan/atau akaun simpanan dan/atau semasa Pelanggan dengan Bank (jika ada) bagi sebarang amaun yang telah dibayar atau dikredit secara ralat ke dalam akaun tersebut akibat daripada kesilapan operasi dan/atau sistem Bank atau kerosakan dan/atau apa-apa sebab lain yang berada di luar kawalan munasabah Bank, dengan memberikan notis yang munasabah kepada Pelanggan sebelum sebarang pelarasan dilakukan.

14. HAK UNTUK TOLAK SELESAI

Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk menolak selesai atau memindahkan sebarang baki kredit dalam Akaun Pelanggan (termasuk apa-apa hadiah berbentuk wang yang diterima daripada cabutan BSN SSP (sekiranya ada)) dan/atau akaun simpanan dan/atau semasa Pelanggan dengan Bank (jika ada) bagi tujuan pengurangan dan/atau pembayaran sebarang jumlah keterhutangan Pelanggan kepada Bank, dengan memberikan notis yang munasabah kepada Pelanggan.

15. FI DAN CAJ

- 15.1 Tertakluk kepada Syariah, pihak Bank berhak untuk mengenakan dan menolak daripada jumlah BSN SSP dalam Akaun Pelanggan perkara-perkara berikut:
- (a) Kos, fi dan caj yang dikenakan ke atas transaksi yang dilaksanakan dan untuk perkhidmatan yang disediakan oleh Bank pada kadar tersebut yang terpakai dari semasa ke semasa (jika ada); dan
 - (b) Apa-apa caj perkhidmatan ke atas BSN SSP (jika ada) yang selaras dengan undang-undang yang terpakai dan berkuatkuasa serta peraturan dan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, pihak berkuasa yang mempunyai bidangkuasa dan/atau badan penyelia berkaitan.
- 15.2 Sehubungan Klausula 15.1(a) di atas, Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa Bank mempunyai hak untuk mengenakan dan/atau mengubah kos, fi dan caj dari semasa ke semasa dan kos, fi dan caj tersebut akan berkuatkuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Bank untuk digunapakai. Apa-apa perubahan terhadap fi dan caj akan dimaklumkan kepada Pelanggan dengan memberikan Notis Mencukupi sebelum tarikh kuatkuasa pelaksanaannya melalui paparan di cawangan Bank dan/atau Laman Web Bank.

16. PERTUKARAN BUTIRAN

- 16.1 Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan kepada pihak Bank mengenai sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi, penandatanganan yang dibenarkan atau butiran lain dengan mengunjungi Cawangan Bank, sekiranya gagal, pihak Bank berhak untuk bergantung kepada butiran terakhir yang diketahui di dalam rekod Bank termasuk dalam berkomunikasi dengan dan/atau menyampaikan apa-apa notis atau dokumen mahkamah kepada Pelanggan.
- 16.2 Pelanggan dengan ini bersetuju bahawa segala surat-menyurat atau dokumen mahkamah yang dihantar ke alamat terakhir mengikut rekod pihak Bank adalah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan.

17. ANTI PENCEGAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN

- 17.1 Pelanggan hendaklah pada setiap masa memastikan bahawa tiada dana yang dipindahkan ke dan dari Akaun Pelanggan adalah hasil daripada, atau akan digunakan untuk dan/atau berkait dengan sebarang aktiviti yang melanggar Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.
- 17.2 Pelanggan berakujanji tidak akan:
- (a) Menggunakan Akaun Pelanggan, secara langsung atau tidak langsung, untuk transaksi yang melibatkan sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - (b) Menyembunyikan atau menyamarkan sifat sebenar sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
 - (c) Menggunakan sebarang wang daripada Akaun Pelanggan untuk sebarang pengubahan wang haram atau tujuan lain yang menyalahi undang-undang.
- 17.3 Pelanggan bersetuju bahawa Bank berhak untuk meminta Pelanggan menyediakan semua dokumen, maklumat dan kebenaran yang diperlukan oleh Bank untuk membuka dan menyelenggara Akaun Pelanggan bagi tujuan memenuhi keperluan Kenali Pelanggan Anda [*Know Your Customer* (KYC)], Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Anti-Pembiayaan Keganasan serta undang-undang dan peraturan lain yang perlu dipatuhi oleh Bank. Pelanggan hendaklah segera memaklumkan kepada Bank secara bertulis tentang sebarang perubahan dalam dokumen, maklumat atau kebenaran yang diberikan kepada Bank, dan memberikan Bank dokumen sokongan dan bukti mengenai perubahan tersebut.
- 17.4 Untuk mematuhi undang-undang tempatan atau luar negara, peraturan, kod sukarela, arahan, penghakiman atau perintah mahkamah, dan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia atau agensi penguatkuasaan, dasar, amalan baik, sekatan atau embargo kerajaan, keperluan pelaporan di bawah perundangan dan tuntutan transaksi kewangan atau permintaan mana-mana pihak berkuasa, pengawal selia, tribunal, agensi penguatkuasaan, badan pertukaran yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan aktiviti yang menyalahi undang-undang, Bank mempunyai hak untuk mengambil sebarang tindakan yang dipercayai perlu, termasuk pembekuan dana, menghalang operasi akaun, menolak permintaan untuk dana daripada Pelanggan, tidak membenarkan Pelanggan menggunakan produk, atau menangguhkan atau membatalkan transaksi. Bank tidak perlu

memaklumkan Pelanggan sehingga masa yang munasabah selepas ia dibenarkan berbuat demikian di bawah Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram. Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang timbul daripada sebarang tindakan yang diambil atau sebarang kelewatan atau kegagalan oleh Bank, dalam melaksanakan mana-mana kewajipannya atau kewajipan lain.

- 17.5 Terikat oleh Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pihak Ketiga juga hendaklah memastikan bahawa jumlah yang dibayar dan/atau perlu dibayar oleh Pihak Ketiga kepada Bank untuk tujuan langganan BSN SSP bukanlah hasil daripada, atau akan digunakan untuk dan/atau berkaitan dengan sebarang aktiviti haram yang mungkin melanggar Undang-undang Pencegahan Pengubahan Wang Haram.

18. PENDEDAHAN MAKLUMAT PELANGGAN DAN DATA PERIBADI

- 18.1 Pelanggan membenarkan dan memberi kuasa kepada Bank untuk mengutip, memproses, mendedahkan, memindahkan, menyelenggara, menyimpan dan mengekalkan data peribadi Pelanggan menurut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Data Peribadi di bawah Klausula ini mempunyai maksud yang sama sepertimana di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Data Peribadi").
- 18.2 Pelanggan membenarkan dan bersetuju untuk Bank mendedahkan hal ehwal atau akaun Pelanggan berdasarkan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan boleh mendedahkan Data Peribadi Pelanggan termasuk alamat, nombor telefon atau alamat e-mel, bagi tujuan yang berkaitan dengan pengendalian BSN SSP Pelanggan, termasuk tetapi tidak terhad kepada proses cabutan BSN SSP, pengumuman pemenang, pengiklanan dan promosi semasa berhubung BSN SSP, kepada mana-mana pihak yang disenaraikan di bawah ("Pihak-Pihak Dibenarkan"):-
- (a) Mana-mana pegawai, pekerja, ejen atau pengarah Bank, subsidiari, syarikat-syarikat berkaitan, sekutu, dan wakil;
 - (b) Pihak ketiga yang berkenaan seperti penasihat profesional, rakan perniagaan strategik dan pakatan, penyedia perkhidmatan, syarikat insurans/pengendali Takaful atau insurans/broker Takaful, peniaga, Pembekal, rakan niaga dan ejen perniagaan yang menyokong aktiviti operasi Bank dan yang kepada mana-mana entiti yang berada di bawah kewajipan undang-undang untuk menjaga kerahsiaan data Pelanggan;
 - (c) Mana-mana pemegang serah hak, pihak baru dalam novasi atau penerima pindahan hak dan/atau kewajipan Bank di bawah apa-apa transaksi, antara Bank dan Pelanggan; atau
 - (d) Mana-mana agensi penarafan atau penyedia perlindungan kredit secara langsung / tidak langsung kepada Bank;
 - (e) Mana-mana pihak yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang atau mana-mana kerajaan, separa kerajaan, pentadbiran, badan/penyeliaan kawal selia atau pihak berkuasa, mahkamah atau tribunal;
 - (f) Mana-mana agensi rujukan kredit yang digunakan oleh Bank bagi penilaian kredit atau kajian semula kredit Pelanggan dan pihak-pihak yang berkaitan dengan kemudahan yang disediakan oleh Bank;
 - (g) Apa-apa agensi rujukan jenayah kewangan, institusi kewangan yang lain dan mana-mana ejen masing-masing;
 - (h) Mana-mana penjamin atau penyedia cagaran untuk kemudahan pembiayaan Pelanggan; atau
 - (i) Pihak berkuasa cukai negara/ bidang kuasa dimana Akaun Pelanggan diselenggara, dimiliki dan/atau pertukaran maklumat dengan mana-mana pihak berkuasa cukai negara/ bidang kuasa lain dimana Pelanggan mungkin merupakan pemastautin cukai menurut perjanjian antara kerajaan dimana Bank mempunyai kewajipan untuk membuat pertukaran maklumat akaun.
- 18.3 Pelanggan dengan ini secara nyata bersetuju ke atas pendedahan tersebut dan mengesahkan serta mengisytiharkan bahawa terma-terma yang terkandung di dalamnya adalah tertakluk kepada Polisi Privasi yang boleh diakses di Laman Web Bank. Sekiranya berlaku apa-apa percanggahan di antara terma yang terkandung di sini dengan terma yang dinyatakan dalam Polisi Privasi, terma dan syarat di dalam Polisi Privasi akan diguna pakai.
- 18.4 Pelanggan dengan ini mengakui bahawa Pelanggan mempunyai hak untuk:
- (a) menarik balik kebenaran yang telah diberikan mengikut proses yang dinyatakan dalam Polisi Privasi;
 - (b) meminta apa-apa pembetulan dilakukan/mengemaskini Data Peribadi; dan

- (c) bertanya sebarang pertanyaan mengenai penggunaan Data Peribadi dengan menghubungi BSN.

dengan menghubungi BSN. Pelanggan faham bahawa penarikan balik kebenaran Pelanggan yang dinyatakan di bawah klausa 18.4(a) di atas boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan oleh Bank kepada Pelanggan.

- 18.5 Pelanggan dengan ini bersetuju memberikan keizinan kepada Bank dan/atau sekutu berkenaan dengannya, untuk menggunakan Data Peribadi dan lain-lain butiran yang diberikan oleh Pelanggan kepada Bank untuk tujuan keseluruhan operasi Bank berkenaan BSN SSP Pelanggan.
- 18.6 Pelanggan dengan ini bersetuju dan memberi kuasa kepada Bank untuk menerbitkan atau memaparkan nama, gambar atau maklumat lain Pelanggan dan/atau mendedahkannya kepada penyedia perkhidmatan Bank yang diberi kuasa, untuk tujuan pengiklanan dan promosi semasa dan akan datang, pengumuman pemenang dan tujuan promosi dengan cara apa pun yang difikirkan sesuai oleh Bank dan/atau penyedia perkhidmatannya yang diberi kuasa.
- 18.7 Walau apa pun yang bertentangan, Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga hendaklah pada setiap masa terikat dengan Polisi Privasi yang terdapat di Laman Web Bank.

19. KEADAAN YANG TIDAK DIJANGKA

Walaupun apa pun peruntukan lain yang terkandung dalam dokumen ini, sekiranya pihak Bank tidak dapat melaksanakan apa-apa operasi atau menyediakan mana-mana perkhidmatan berdasarkan Terma dan Syarat ini atas apa-apa sebab di luar kawalan Bank, termasuk namun tidak terhad kepada kebakaran, gempa bumi, banjir, wabak, pandemik, malapetaka, kemalangan, rusuhan, gangguan awam, pertikaian perindustrian, tindakan musuh awam, embargo, peperangan, bencana alam atau apa-apa faktor yang bersifat tidak boleh dijangka Bank tidak boleh, dalam apa jua keadaan, dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kemungkinan obligasi, kesulitan, kerugian, kecederaan, kerosakan yang ditanggung atau dialami oleh Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga akibat daripadanya.

20. PERUBAHAN TERMA DAN SYARAT

- 20.1 Bank berhak untuk menambah, menggugurkan atau meminda mana-mana peruntukan yang dinyatakan di sini pada bila-bila masa, tertakluk pada Syariah, dengan memberi Notis Mencukupi kepada Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga sebelum tarikh berkuat kuasa melalui paparan di Laman Web Bank, pos, pemakluman di media massa, paparan di cawangan Bank, hantaran elektronik dan/atau cara lain yang dianggap sesuai oleh Bank. Sebarang perubahan, penambahan, pengguguran atau pindaan terhadap peruntukan yang dinyatakan di sini akan mengikat Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga, dan Bank dianggap telah memaklumkan Pindaan kepada Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga melalui penyampaian notis tersebut. Keseluruhan Terma dan Syarat sebelumnya akan terbatal dan digantikan sepenuhnya oleh Terma dan Syarat terkini. Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga dinasihati untuk mengakses Laman Web Bank dengan kerap untuk memastikan Pelanggan dan/atau Pihak Ketiga mendapat maklumat terkini berhubung sebarang perubahan atau pindaan yang dibuat ke atas Terma dan Syarat ini.
- 20.2 Terma dan Syarat ini (termasuk pindaan atau penambahan yang dinyatakan di atas yang dibuat oleh Bank dari semasa ke semasa) hendaklah mengatasi sebarang peruntukan atau butiran yang terkandung dalam bahan-bahan promosi pengiklanan berkaitan BSN SSP.

21. KETAHSAHAN SEBARANG PERUNTUKAN

- 21.1 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan di bawah apa-apa undang-undang atau apa-apa jua alasan, peruntukan tersebut tidak akan menjejaskan kesahihan dan keupayaan untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini.
- 21.2 Sekiranya terdapat sebarang ketidaksejajaran, konflik, kesamaran atau kepincangan antara teks Terma dan Syarat ini dalam versi Bahasa Inggeris atau sebarang versi-versi lain, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi lain dan mengikat ke atas Pelanggan.

22. KESAN MENGIKAT

Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat waris/pemegang serah hak dan pengganti hak Pelanggan, Pihak Ketiga (mengikut keadaan) dan Bank.

23. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL & BIDANG KUASA

Terma dan Syarat ini adalah ditadbir dan ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

-Terma dan Syarat Tamat-